

21 MAR 1999

Mahathir-Popular

NEGARA TAK AKAN MAJU KALAU PEMIMPIN POPULAR SAHAJA, KATA DR MAHATHIR

ALOR SETAR, 21 Mac (Bernama) -- Negara tidak akan maju kalau seseorang pemimpin itu popular semata-mata tetapi tidak ada kemampuan untuk mentadbir, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini.

"Kerajaan bukan boleh terdiri daripada sebarang orang sahaja," kata Perdana Menteri.

Bercakap di majlis pertemuan dengan para pemimpin Barisan Nasional Kedah di Dewan Seri Negeri, Wisma Darul Aman di sini, beliau menegur pihak yang kononnya popular dalam memperjuangkan sesuatu isu tetapi sebenarnya berbuat demikian untuk mendapatkan undi.

Beliau memberikan contoh golongan yang mengambil kesempatan untuk menjadi popular dengan kononnya memperjuangkan nasib orang Asli berikutan langkah kerajaan hendak membina Empangan Sungai Selangor dan bantahan terhadap kenaikan kadar tol.

"Kalau betul memperjuangkan nasib orang Asli kenapa selama ini tak mengambil berat tentang nasib mereka," katanya.

"Kita tanya berapa banyak tol yang pernah mereka bayar. Sebenarnya mereka sendiri tak pernah bayar tol," katanya.

Kerajaan, katanya, boleh menjadi popular dengan memberikan segala apa yang diminta oleh rakyat secara percuma.

"Kita bukan semata-mata nak undi, kita nak bangunkan negara," katanya.

Dr Mahathir berkata negara akan maju sekiranya parti yang memerintah terdiri daripada parti yang boleh mentadbir kerajaan dengan cekap.

Beliau menolak anggapan bahawa negara tetap akan maju sekiranya mana-mana parti memerintah kerana ia merupakan tanggungjawab kerajaan.

"Itu tak betul. Ada negara yang tak maju walaupun terdapat kerajaan yang memerintah. Ada negara yang rakyatnya terpaksa tidur di tepi jalan... setinggupun tidak ada," katanya.

Dr Mahathir berkata tidak ada seseorang pun rakyat Malaysia yang tidak mendapat apa-apa, hasil perjuangan Perikatan dahulu dan Barisan Nasional sekarang.

"Kalau kita menyatakan kita tidak mendapat apa-apa, bermakna kita tidak bersyukur dengan apa yang kita terima," katanya.

Beliau memberikan contoh nikmat perubatan yang diterima oleh rakyat Malaysia sebaik sahaja dilahirkan di negara ini.

Katanya, negara ini sepatutnya tidak aman, tidak stabil dan tidak maju kerana ia sukar ditadbirkan disebabkan oleh Malaysia merupakan negara bersekutu dan mempunyai pelbagai kaum.

Bagaimanapun, negara mengalami keadaan sebaliknya disebabkan oleh pemerintahan BN yang sentiasa mengamalkan sikap sederhana dan membangunkan negara.

Dr Mahathir berkata konsep BN istimewa dan unik kerana sokongan kumpulan minoriti pun diambil kira.

"Cara BN you tolong I, I tolong you," katanya.

"Pas kini berbaik-baik dengan DAP untuk mendapat undi orang Cina. Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Aziz Nik Mat pula sanggup bekerjasama dengan syaitan untuk menjatuhkan kerajaan BN," katanya.

Beliau juga menegur Nik Aziz kerana tidak membenarkan perempuan bekerja seperti hendak mengasingkan mereka daripada pembangunan negara.

Perdana Menteri meminta parti-parti komponen BN memperkukuhkan kerjasama di antara mereka.

Ucapan beliau turut menyentuh mengenai susah payah dan pahit maung yang

dialami oleh kerajaan untuk membangunkan negara ini, sebelum dan selepas Merdeka.

Turut hadiri pada majlis itu ialah isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid.

-- BERNAMA  
TM/jm AKD RI